

## KENYATAAN AKHBAR

### **Lebih Ruang Dalam Hidup Extra Space Self Storage Lancar Dua Fasiliti Baharu di Malaysia**

**KUALA LUMPUR, 19 Jun, Khamis** – Pada awalnya Craft Mason, syarikat pembekal minuman buatan tangan kurang pasti untuk melabur ke atas sebuah gudang dengan kos yang boleh menjelaskan bajet pemasaran mereka.

“Kami hanya perlukan ruang seluas 300 kaki persegi. Bukannya seluruh gudang. Namun, Extra Space Malaysia telah membantu kami mengisi keperluan itu.

“Kini, minuman buatan tangan kami disimpan di dalam **bilik bersuhu** dan dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan 24-jam. Lokasinya yang strategik juga memudahkan kami untuk berulang-alik ke tempat simpanan pada bila-bila masa,” jelas Daniel Tan, Pengurus Besar Craft Mason Sdn Bhd pada sesi bertemu media di majlis pelancaran fasiliti baharu Extra Space **Self Storage** di Malaysia.

Dilema kekurangan ruang seperti contoh di atas membuktikan rakyat Malaysia sebenarnya memerlukan ruang tambahan dalam kehidupan harian mereka. Maka, Extra Space Self Storage, peneraju dalam dunia perniagaan storan peribadi di Asia telah melancarkan dua **lagi fasiliti baharu** di Malaysia hari ini iaitu – Extra Space Segambut dan Extra Space Section 51A, Petaling Jaya.

Unit-unit storan yang dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan terbaik itu turut menawarkan kemudahan mengakses 24-jam. Ini memudahkan peniaga serta individu mengakses storan yang disewa mengikut keperluan masing-masing. Saiz unit storan untuk disewa bermula daripada minimum 16 kaki persegi sehingga ruang seluas 450 kaki persegi. Tempoh sewaan adalah sesingkat dua minggu atau untuk selama-lamanya.

#### **Extra Space Self Storage Berkembang Demi Keperluan dan Permintaan Pelanggan**

#### **Pemilikan Dua Fasiliti Baharu Pada Tahun 2014**

“Fasiliti storan **peribadi** pertama kami di Malaysia dibuka di **Jalan Dua**, Chan Sow Lin pada tahun 2012 dan hanya berkeluasan 117,000 kaki persegi. Kini, menerusi pelancaran dua fasiliti baharu di Segambut dan Section 51A, **Petaling Jaya** ini, luas keseluruhan fasiliti kami telah mencecah 291,000 kaki persegi. Pendek kata, Extra Space Malaysia telah berkembang daripada fasiliti seluas dua padang bola sepak kepada enam padang bola sepak. Kami sedar akan permintaan terhadap



fasiliti seumpama ini bagi memenuhi keperluan storan peribadi rakyat Malaysia. Dengan itu, saya amat bangga untuk melancarkan dua fasiliti baharu kami di Segambut dan Section 51A, **Petaling Jaya** malah, saya juga yakin kedua-dua fasiliti ini akan memanfaatkan golongan pemilik perniagaan dan juga individu yang mengimpikan storan peribadi,” ujar Kenneth Worsdale, Ketua Pegawai Eksekutif Extra Space Self Storage di rantau Asia.

Bertapak di Segambut, ruang fasiliti tersebut bakal memenuhi keperluan golongan penghuni urban di kawasan Mont Kiara, Bangsar, Segambut Dalam dan Sentul. Fasiliti di Section 51A, **Petaling Jaya** pula menyasarkan individu-individu di kawasan sekitar Subang, Petaling Jaya dan Shah Alam.

Selain itu, Extra Space Self Storage juga merupakan syarikat pertama yang menawarkan kemudahan bilik simpanan wain di dalam fasiliti storan peribadi. Bersuhu sekitar 13 °C dan mempunyai 65% hingga 75% kadar kelembapan tetap, lokar dan ‘bilik simpanan’ *walk-in* yang tetap itu mampu menempatkan sehingga 400 kotak sekali gus. Fasiliti tersebut turut dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan tambahan.

### **Peneraju Fasiliti Storan Peribadi di Malaysia**

Extra Space Self Storage telah berkembang pesat di rantau Asia sejak mula beroperasi dengan hanya satu fasiliti pada tahun 2007. Kini, Extra Space Self Storage memiliki 10 fasiliti di rantau ini khasnya di Singapura, Malaysia dan Korea dengan ruang keseluruhan fasiliti mencecah lebih sejuta kaki persegi. Dengan hanya 50 pelanggan pada tahun 2007, bilangan pelanggannya juga telah bertambah 140 kali ganda. Hari ini, Extra Space Self Storage mempunyai lebih 7,000 pelanggan dan syarikat tersebut juga berhasrat untuk terus mengembangkan sayap perniagaan serta meneroka pasaran baharu di lokasi-lokasi utama di serata Asia.

“Kami menyediakan fasiliti storan untuk rakyat Malaysia. Jadi, kami akan terus menawarkan perkhidmatan yang efektif dengan standard tertinggi dalam industri ini kepada semua pelanggan sama ada individu mahupun organisasi. Dengan Extra Space **Self Storage**, anda sentiasa ada lebih ruang dalam hidup anda,” ujar Worsdale.

Diedar bagi pihak Extra Space Malaysia  
oleh Mustard Tree PR

Sebarang pertanyaan media, sila hubungi :

Jade W. 012 219 5289, atau emel: [jade@mustardtree.com.my](mailto:jade@mustardtree.com.my)

Sally Yeow, 017 374 0056, atau emel: [sally@mustardtree.com.my](mailto:sally@mustardtree.com.my)